

BULETIN USR 2022 | ISU 1

# APA HABA Q HANG PA?



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
13500 Permatang Pauh  
Pulau Pinang

# Projek Agropreneur Muda Fasa 1

oleh Siti Nur Fathini Muhsain, Nor Fadzilah Zainal, Dr. Nor Hidayah Harun  
& Mohd Sukor Md Yusof

**Tanggal 13 Ogos 2022, satu Projek Agropreneur Muda Fasa 1 dijalankan di bawah Jabatan Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dengan kerjasama Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) Kuala Muda.**

Program ini juga hasil kolaborasi bersama pihak Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Utara, Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Utara serta Pasukan Pelindungan Kanak-kanak (PPKK) Daerah Seberang Perai Utara. Objektif program ini antaranya adalah sebagai salah satu inisiatif tanggungjawab sosial

kemasyarakatan Jabatan Pengurusan dan Perniagaan, UiTM CPP dengan kerjasama organisasi luar bagi mencapai kesejahteraan masyarakat setempat. Selain itu, program ini juga dapat memberi pendedahan dan kesedaran kepada penduduk setempat, khususnya anak muda agar memanfaatkan ruang dengan pertanian bagi keperluan sendiri mahupun sebagai salah satu bidang untuk menjana pendapatan.

Melalui projek ini, ianya juga dapat menambah pengetahuan kepada penduduk setempat tentang penggunaan teknologi inovasi moden dalam bidang pertanian khususnya teknik penanaman secara hidroponik. Projek ini merupakan satu inisiatif bagi golongan muda seramai 19 peserta yang berumur di antara 13 - 18 tahun bertujuan memupuk minat

mereka menceburkan diri dalam bidang agromakanan.

Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK) Kuala Muda dipilih kerana mereka tergolong dalam kumpulan sasaran B40 dan sejajar dengan Dasar Agromakanan 2021-2030, di mana industri agromakanan berpotensi sebagai bidang kerjaya masa depan yang dapat menjana pendapatan. Bidang ini turut merangkumi kesemua bidang di sepanjang rantai nilai seperti tanaman, ternakan dan perikanan, serta industri makanan termasuk pemasaran, penyediaan perkhidmatan sokongan dan input pertanian serta agropelancongan. Justeru, ianya penting bagi memberi kesedaran kepada golongan muda tentang agropreneur dengan cara mengubah persepsi golongan muda terhadap perkara ini.



Projek Fasa 1 ini merangkumi dua sesi iaitu pertama adalah sesi berhidroponik bersama Idola Agropreneur, Encik Amirul bin Abdullah, yang juga merupakan antara penerima beberapa anugerah pertanian moden bagi kategori belia. Sesi ini bertujuan untuk peserta yang terlibat mempelajari teknik penanaman secara hidroponik. Sesi ini juga turut menjemput ibu bapa peserta untuk turut serta bersama-sama mempelajari teknik tanaman moden, sebagai usaha memberi semangat dan menggalakkan anak-anak mereka melakukannya di rumah. Manakala sesi kedua merupakan sesi Bengkel Agropreneur Muda bersama Jabatan Pertanian Daerah Seberang Utara. Tujuan bengkel ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada peserta mengenai asas pertanian dan juga pendedahan tentang pertanian moden.

juga pendedahan tentang pertanian moden. Program juga diselitkan dengan perasmian Taman Agro Buddies dan penyampaian set hidroponik kepada semua peserta projek di tapak PAKK Kuala Muda oleh Ustaz Mohd Naim bin Haji Salleh, wakil Ahli Parlimen Kepala Batas (DUN Penaga). Set hidroponik yang diterima peserta adalah hasil sumbangan pelbagai pihak bagi mereka mempraktikkan apa yang dipelajari melalui program ini. Diharapkan projek ini akan berterusan kerana dapat

memberikan impak bukan untuk pengisian ilmu kepada komuniti setempat, malah ianya dapat mengurangkan kos sara hidup yang semakin tinggi dengan mengusahakan sendiri tanaman untuk kegunaan sendiri dan juga untuk penjaan pendapatan. Ianya juga sekaligus menyokong inisiatif menyokong hasrat kerajaan dalam menjadikan bidang agromakanan sebagai salah satu peluang perniagaan dengan menyalurkan input secara terus kepada sasaran komuniti.

